



**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**KEPUTUSAN MESYUARAT AHLI PERBADANAN FINAS BIL. 3/2021**

---

**Petaling Jaya, 15 Mac 2021** – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) ingin memaklumkan akan keputusan-keputusan penting yang diambil melalui Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS Bil. 3/2021 yang telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Zakaria Abdul Hamid, Pengerusi FINAS. Keputusan-keputusan adalah seperti berikut:

- I. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan pelaksanaan Program Peningkatan Kapasiti Kreatif Malaysia - *Malaysian Creative Capacity Enhancement Programme* (MyCAP). Inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk menyediakan pengumpulan data yang menyeluruh berkaitan industri kreatif melalui platform khusus melibatkan penilaian, pengiktirafan dan penyaluran data berkaitan pemain industri, persatuan dan syarikat dengan skop bidang yang lebih luas. Pelaksanaan MyCAP juga adalah bertujuan untuk menyelaraskan pembangunan kapasiti modal insan dan meningkatkan profesionalisme penggiat industri kreatif bagi memenuhi aspirasi *Road to OSCARS*. Sesi libat urus Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif FINAS bersama penggiat industri juga akan diadakan dalam masa terdekat.
- II. FINAS mengambil maklum akan proses akhir bagi kelulusan penambahbaikan pelaksanaan Insentif Penerbitan Filem di Malaysia - *Film In Malaysia Incentive* (FIMI) dan akan dimumkan kepada penggiat industri kreatif kelak bertujuan membantu penggiat industri dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19.
- III. FINAS memandang serius akan isu berkaitan aktiviti cetak rompak di platform digital dan sentiasa komited dalam menyokong usaha Jawatankuasa Pembanterasan Cetak Rompak Digital untuk bertindak lebih agresif bagi membanteras aktiviti ini.

Untuk makluman lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat FINAS di talian 03-7968 2182 atau e-mel di [info@finas.my](mailto:info@finas.my).

**Unit Komunikasi Korporat  
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)  
15 Mac 2021**